

Isu ARE: PM mahu keputusan Mahkamah Agung dihormati

ALOR STAR, Ahad — Keputusan Mahkamah Agung membenarkan permohonan kilang Asian Rare Earth Sdn Bhd (ARE) menangguhkan pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi Ipoh yang mengarahkan penutupan kilang itu di Bukit Merah, dekat Ipoh hendaklah dihormati, kata Perdana Menteri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bellau berkata, mengikut sistem kehakiman, semua pihak berhak merayu kepada Mahkamah Agung terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dan ia hendaklah dihormati.

"Ini adalah proses perundangan dan jika satu pihak tidak puas hati terhadap keputusan Mahkamah Tinggi, mereka boleh merayu di Mahkamah Agung.

"Kita tidak boleh menghalang mereka daripada merayu kerana ini akan menafikan hak dan kebebasan mereka," katanya di sini hari ini.

Dr Mahathir juga berkata, keputusan itu bukannya pertama kali berlaku bagi Mahkamah Agung menangguhkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Mahkamah Agung yang bersidang di Kuala Lumpur 5 Ogos lalu, menangguhkan pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi pada 11 Julai sementara menunggu keputusan rayuan ARE terhadap Mahkamah Tinggi yang mengarahkan penutupan kilang itu dalam tempoh 14 hari kerana didapati menyebabkan pelepasan gas radioaktif dan sisa toksid.

Mengenai hasil kajian pakar terhadap keselamatan operasi ARE, Dr Mahathir berkata, ramai pakar yang menjalankan penyelidikan di kilang itu mendapati ia selamat.